

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK]**

TARIKH : 26 MAC 2015

SOALAN :

YB. Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah berlaku peningkatan jumlah kemasukan pelancong dari Republik Rakyat China selepas Kejadian MH370 dan setelah Kerajaan pada 20 Januari 2015 memutuskan untuk memberikan visa percuma kepada pelancong dari negara tersebut yang melancong ke Malaysia.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selepas kejadian MH370, ketibaan pelancong dari pasaran Negara China bagi tempoh Januari hingga Disember 2014 adalah seramai **1,613,355 orang** pelancong berbanding bagi tempoh yang sama tahun 2013 iaitu seramai **1,791,423 orang** pelancong dengan penurunan sebanyak **9.9 peratus**.

Pemberian pengecualian pembayaran visa percuma bagi pelancong dari negara Republik Rakyat China (RRC) baru sahaja digunakan sejak 15 Februari 2015 oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Oleh itu data kemasukan pelancong bagi tempoh tersebut masih belum diperolehi.

Sekian, terima kasih.